



UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

MAJLIS

995955

MAJLIS

**جامعة ملاك
الخريجين**

KONVOKESYEN KE-10
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

DEWAN BESAR, UTeM

**27 - 28
SEPTEMBER
2014**




DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

وَنَحْنُ فَرِسْطَتُمْ لِذَرَافَةٍ

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

...di sini segalanya bermula...



Maklumat yang ada di dalam buku ini adalah benar pada tarikh ia dicetak.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

TUHAN SEKALIAN ALAM, TUHAN YANG MEMILIKI SEGALA KEAGUNGAN DAN KEKUASAAN, SELAWAT DAN SALAM KE ATAS JUNJUNGAN NABI MUHAMMAD S.A.W JUGA KE ATAS KELUARGANYA, PARA SAHABAT DAN MEREKA YANG MENCONTOHINYA SEHINGGA KE HARI KIAMAT.

Tuhan sekalian alam, Tuhan yang memiliki segala keagungan dan kekuasaan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Juga ke atas keluarganya, para sahabat dan mereka yang mencontohnya sehingga hari kiamat.

Allahu Ya Rahman Ya Rahim

Kami bersama menadah kedua belah tangan dengan penuh khusyuk dan tawadhus, mengharapkan kasih, sayang dan ihsan-Mu, agar dilimpahi ke dalam hati kami taufik dan hidayah-Mu, inayah dan riayah-Mu serta ampunkanlah segala dosa kami, dosa kedua ibu bapa kami dan seterusnya seluruh hamba-Mu yang taat dan patuh akan perintah-Mu. Kurniakanlah ke atas kami Ya Allah, badan yang sihat, akal yang sempurna dan fikiran yang bijaksana, agar kami semua dapat menjalankan tugas sebagai khalifah di atas muka bumi ini dengan penuh amanah dan dedikasi.

Allahu Ya Zaljalali Wal Ikram

Tuhan yang mempunyai kemuliaan dan keagungan. Anugerahkanlah azam yang tinggi, hati yang cekal dan tabah, ke atas para pendidik dan pembimbing anak bangsa, yang tidak jemu menerangi dunia dengan cahaya ilmu dan pengetahuan, tanpa mengenal erti keperitan dan kepayahan, gigih serta ikhlas dalam mencerahkan idea dan kepakaran, demi membina dan membentuk anak bangsa yang berjaya, supaya menjadi benteng panghapus kejahilan, di kalangan masyarakat sekeliling untuk bersama mencapai kejayaan hidup di dunia dan akhirat.

Allahu Ya Sattar Ya A'lim

Limpahkanlah rahmat dan keberkatan-Mu yang luas kepada penerima anugerah pada hari ini, di atas berkat kesungguhan mereka untuk mengecapi kejayaan demi kejayaan bagi membina personaliti yang unggul. Berikanlah mereka keyakinan serta kekuatan untuk terus menyumbangkan kepakaran, pemikiran dan segalanya demi kemajuan agama, bangsa dan negara. Mudah-mudahan penganugerahan dan pengiktirafan yang diberikan ini dapat meningkatkan kompetensi dan seterusnya mengharumkan nama baik organisasi.

Allahu Ya Qawwi Ya Matin

Berikanlah kami tekad yang tinggi, serta tingkatkanlah iltizam kami agar segala pengetahuan dan pengalaman yang telah Engkau kurniakan, dapat kami gunakan dengan sebaik-baiknya, penuh jujur dan dedikasi supaya kami sentiasa maju ke hadapan bagi membina satu tamadun yang berasaskan wawasan negara, yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Kami juga memohon semoga kerjasama dan usaha murni yang terjalin antara kami ini, akan sentiasa mekar dan segar, untuk menjadi sebuah Institusi Pengajian Tinggi yang unggul di persada dunia.

UTeM

KONVOKESYEN KE-10




CANSELOR

Chancellor

Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua
Negeri Melaka

**Tun Datuk Seri Utama
MOHD KHALIL BIN YAAKOB**
S.M.N., P.S.M., D.U.N.M., S.U.M.Z., S.J.M.K.,
S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K., D.P., D.S.A.P.,
J.S.M., S.M.P., G.C.O.M. (GER)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA



KONVOKESYEN KE-10



**MENTERI
PENDIDIKAN**
Minister of Education

YAB Tan Sri Dato'
**HJ. MUHYIDDIN BIN
HJ. MOHD. YASSIN**
P.S.M., S.P.M.J., S.H.M.S., S.P.S.A.,
S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P.,
P.N.B.S., S.M.J., P.I.S., B.S.I.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



KONVOKESYEN KE-10



PRO CANSELOR
Pro Chancellor


Yang Berbahagia Tan Sri Datuk
DR. JOHARI BIN MAT
K.M.N., J.S.M., D.M.S.M., P.S.M.

جنيح كل ملaysia ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL M



KONVOKESYEN KE-10



PRO CANSELOR

Pro Chancellor


Yang Berbahagia Datuk Wira

ISMAIL BIN SALEH

D.S.M., D.C.S.M., K.M.N.

يٰسِيرَةٌ مُلِيْسِيَا مَلَكٌ

UNIVERSITI TEKNIKAL MELAKA



KONVOKESYEN KE-10



Pengerusi Lembaga
Pengarah Universiti

Chairman of the University
Board of Directors

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Ir.

DR. HJ. AHMAD ZAIDEE BIN LAIDIN

P.S.M., K.M.N., D.P.M.P., P.J.N.,
FASc D Univ (Stirling), Hon D Tech (Oxford Brookes),
Hon D Litt (Manchester Metropolitan),
Hon Prof (Napier), Hon D Elect Eng (UiTM).
P.Eng, Hon FIEM, Hon AFEO.




KONVOKESYEN KE-10



NAIB CANSELOR

Vice Chancellor

Yang Berbahagia Profesor
DR. SHAHRIN BIN SAHIB



جامعة ملکا مالیسیا

UNIVERSITI TEKNIKAL MELAKA



Sekapur Sirih

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera & Salam Satu Malaysia

Perlamanya saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadarat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya kita berhimpun bersama di Dewan Besar UTeM dengan penuh adat istiadat tradisi keilmuan sempena Majlis Konvokesyen Ke 10 Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Seiring dengan perkembangan globalisasi yang semakin rancak, memberi satu gelombang agar UTeM terus mempunyai daya juang yang tinggi dan bertekad untuk mencipta perubahan yang memberi impak besar agar UTeM sentiasa berada di kalangan kelompok Universiti terbaik di dunia.

Alhamdulillah setelah hampir 14 tahun penubuhannya, UTeM terus mempertingkatkan usaha dalam melonjak kecemerlangan pendidikan terutama menerusi penyediaan program-program akademik yang relevan dengan keperluan pihak majikan dan industri masa kini agar graduan keluaran UTeM terpilih dan sentiasa terhadap. Bagi memastikan UTeM terus cemerlang, pemantapan dari aspek penyelidikan dan inovasi, jaringan industri dan masyarakat, pengantarabangsaan serta pembentukan sahsiah pelajar yang syumul turut diberi penekanan. Selain itu kesejahteraan dan kelestarian pembangunan Universiti juga turut dititikberatkan bagi membina potensi serta kecemerlangan seluruh warga Universiti.

Pada Majlis Konvokesyen ke-10 UTeM ini bakal menyaksikan penganugerahan ijazah kepada 2,258 orang graduan (setakat 10 September 2014) daripada pelbagai bidang dan peringkat pengajian dengan perincian graduan merangkumi 6 orang graduan Ijazah Doktor Falsafah, 136 orang graduan Ijazah Sarjana, 1,625 orang graduan Ijazah Sarjana Muda dan 491 orang graduan Diploma. Daripada jumlah yang dinyatakan tadi seramai 43 orang graduan antarabangsa yang terdiri daripada negara Indonesia, Yaman, Palestin, Iraq, Iran, Syria, Pakistan, Libya dan Algeria juga akan dianugerahkan ijazah dalam peringkat pengajian masing-masing.

Majlis Konvokesyen kali ini turut diserikan dengan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan kepada Y.Bhg. Tan Sri Datuk Ir. Dr. Haji Ahmad Tajuddin Ali, Pengurus CIDB Malaysia. Saya bersama seluruh warga UTeM merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Y.Bhg. Tan Sri di atas penganugerahan tersebut.

Akhir kata syabas dan tahniah kepada semua graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian masing-masing. Adalah menjadi harapan UTeM agar graduan yang dilahirkan ini dapat menyumbang sesuatu kepada generasi Universiti seterusnya menerusi penyertaan dalam Persatuan Alumni UTeM. Andalah pewaris kepimpinan dan pembangunan Negara maka gunakanlah segala ilmu, kepintaran, kepakaran dan kemahiran yang diperolehi terutama sepanjang menuntut di UTeM demi menyumbang kepada keluarga, masyarakat, negara dan dunia mengikut jalan yang diredhai serta diberkati Ilahi. Insya Allah.

Sekian, terima kasih.

Salam hormat,

PROF. DR. SHAHRIN BIN SAHIB

Naib Canselor

Foreword

In the name of Allah the Most Beneficent and Most Merciful.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera & Salam Satu Malaysia

First and foremost, I would like to thank Allah for allowing us to gather in conjunction with the 10th convocation of Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

The rapid development of globalization has allowed our University to continually progress and be committed in creating changes to become one of the best universities in the world.

Alhamdulillah, after 14 years of its inception, UTeM has continued to strive for excellence in education, particularly through the provision of academic programs relevant to the needs of the employers and industries. This is to ensure that UTeM graduates are always in demand. Emphasis is also placed on the strengthening of research and innovation, industry and community networks, internationalization and the development of syumul personality among students. In addition, the well-being and sustainable development of the University are also stressed.

The 10th UTeM Convocation celebrates the graduation of 2,258 students (as at 10 September 2014). We will also witness the granting of six Doctor of Philosophy scrolls, 136 Master degree scrolls, 1,625 Bachelor degree scrolls and 491 Diploma scrolls. They include 43 international graduands from Indonesia, Yemen, Palestine, Iraq, Iran, Syria, Pakistan, Libya and Algeria.

We are proud and honoured to present the award of Honorary Doctorate in Engineering to Y.Bhg. Tan Sri Datuk Ir. Dr. Haji Ahmad Tajuddin Ali, Chairman of CIDB Malaysia. I, on behalf of everyone at UTeM, would like to extend our heartiest congratulations on the award.

Finally, I would like to congratulate all the graduands. The University hopes that they will continue contributing through UTeM Alumni. You are our future leaders. Thus, I would like to call on all of you to utilize all the knowledge and skills that you have acquired along the way to contribute to your families, community, country and the world in ways that are allowed and blessed by Allah SWT. Insya Allah.


Thank you.

Yours respectfully,

PROF. DR. SHAHRIN BIN SAHIB
Vice Chancellor

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

UNIVERSITY BOARD OF DIRECTORS



PENGURUSI – Chairman
YBHG. TAN SRI DATO' IR. DR. HJ. AHMAD ZAIDEE BIN LAIDIN



AHLI - Member
PROF. DR. SHAHRIN BIN SAHIB




AHLI - Member
YBHG. DATUK WIRA HJ.
NAIM BIN ABU BAKAR



AHLI - Member
Y.BHG. DATUK WIRA HAJI
OMAR BIN KASEH



AHLI - Member
Y.BHG. DATUK DR. HAJI
ABDUL RAMAN BIN HAJI SAAD



AHLI - Member
Y.BHG. DATO' PROF. DR.
MOHD NOR BIN HUSAIN



AHLI - Member
YBHG. DATUK IR. HJ.
BAHARAM BIN MOHD



AHLI - Member
Y.BRS. DR. ARIS BIN KASAN



AHLI - Member
PUAN KHOliah BINTI ISMAIL



AHLI - Member
ENCIK OMAR SHARIFF BIN
MYDEEN



AHLI - Member
ENCIK AZRUL BIN AZIZ



AHLI - Member
ENCIK ZALI BIN MAT YASIN
(sehingga 31 Ogos 2014)
(until 31 August 2014)



SETIAUSAHA - Secretary
Y.BHG. DATUK HASAN BIN SIRUN



SENAT

SENATE



AHLI - Member
PROF. DR. SHAHRIN BIN SAHIB
NAIB CANSELOR
Vice Chancellor



AHLI - Member
**Y.BHG. DATO' PROF. DR.
MOHD NOR BIN HUSAIN**
TIMBALAN NAIB CANSELOR
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)
*Deputy Vice Chancellor
(Academic & International)*




AHLI - Member
**PROF. IR. DR. MOHD. JAILANI
BIN MOHD. NOR**
TIMBALAN NAIB CANSELOR
(PENYEKIDUKAN DAN INOVASI)
*Deputy Vice Chancellor
(Research & Innovation)*



AHLI - Member
**PROF. MADYA DR. IZAIDIN
BIN ABDUL MAJID**
TIMBALAN NAIB CANSELOR
(HALEH-WALPELAJAR & ALUMNI)
*Deputy Vice Chancellor
(Student Affairs & Alumni)*



AHLI - Member
**PROF. DR. MUHAMMAD GHAZIE
BIN ISMAIL**
PENOLONG NAIB CANSELOR
(JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT)
*Assistant Vice Chancellor
(Industry & Community Network)*



AHLI - Member
**Y.BHG. DATUK PROF. DR.
ZOLKEPLI BIN BUANG**
(PENOLONG NAIB CANSELOR
PEMBANGUNAN &
PENGURUSAN FASILITI)
Assistant Vice Chancellor
(*Development & Facility
Management*)



AHLI - Member
**PROF. DR. MOHD RAZALI
BIN MUHAMAD**
DEKAN PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH
Dean, Centre for Graduate Studies



AHLI - Member
**PROF. DR. MARIZAN
BIN SULAIMAN**
DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK
Dean, Faculty of Electrical Engineering



AHLI - Member
**PROF. MADYA DR. ABDUL RANI
BIN OTHMAN**
DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK &
KEJURUTERAAN KOMPUTER
*Dean, Faculty of Electronic &
Computer Engineering*



AHLI - Member
DR. NOREFFENDI BIN TAMALDIN
DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN
MEKANIKAL
Dean, Faculty of Mechanical
Engineering



AHLI - Member
**PROF. MADYA DR. MOHD RIZAL
BIN SALLEH**
DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN
PEMBUATAN
Dean, Faculty of Manufacturing
Engineering



AHLI - Member
**PROF. MADYA DR. MOHD KHANAPI
BIN ABD GHANI**
DEKAN FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT
& KOMUNIKASI
Dean, Faculty of Information &
Communication Technology



AHLI - Member
**DR. MOHD SYAIFUL RIZAL
BIN ABDUL HAMID**
DEKAN FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI
& TEKNOUSAHAHAWANAN
Dean, Faculty of Technology
Management & Technopreneurship



AHLI - Member
**PROF. MADYA MOHD RAHIMI
BIN YUSOFF**
DEKAN FAKULTI TEKNOLOGI
KEJURUTERAAN
Dean, Faculty of Engineering
Technology



AHLI - Member
DR. MARIANA BINTI YUSOFF
DEKAN PUSAT BAHASA &
PEMBANGUNAN INSAN
Dean, Centre for Languages &
Human Development



AHLI - Member
**Y.BHG. DATO' PROF. DR.
ABU BIN ABDULLAH**
PROFESOR
Professor



AHLI - Member
**PROF. MADYA SHAHDAN BIN
MD. LANI**
PENGARAH PUSAT JAMINAN
KUALITI & AKREDITASI
Director, Centre for Quality
Assurance & Accreditation



AHLI - Member
**PROF. MADYA DR. SYED NAJMUDDIN
BIN SYED HASSAN**
PENGARAH PUSAT PENGAJARAN &
PEMBELAJARAN
Director, Centre for Teaching &
Learning



AHLI & SETIAUSAHA -
Member & Secretary
Y.BHG. DATUK HASAN BIN SIRUN
Pendaftar
Registrar



AHLI - Member
EN. KHAIRUL BIN TAIB
BENDAHARI
Bursar



AHLI - Member
PN. HJH. FARIDAH BTE HJ. MD. AMIN
KETUA PUSTAKAWAN
Chief Librarian



AHLI - Member
EN. AZHAR BIN MOHAMED
PENASIHAT UNDANG-UNDANG
Legal Advisor



AHLI - Member
EN. MOHD ISA BIN MOHD DOM
PENGARAH PUSAT KOMPUTER
Director, Computer Centre



AHLI - Member
LAR. ABDUL WAHAB BIN HARUN
PENGARAH PEJABAT PEMBANGUNAN
Director, Development Office



Keris Panjang dikatakan sebagai kumpulan yang tertinggi kedudukannya dalam kumpulan keris. Keris Panjang ini hanya dipakai oleh raja-raja atau pembesar-pembesar istana. Jenis ini juga kadangkala dikenali sebagai Keris Bahari atau Keris Sumatera atau Keris Darjat atau Keris Melela atau Keris Sapukal yang ditentukan melalui mata, hulu dan sarungnya. Mata jenis keris ini biasanya tirus dan lurus. Kadangkala keris jikalau sarungnya bersalutkan emas ia juga dikenali sebagai Keris Terapang atau Keris Terapang Gabus. Mata Keris Panjang UTeM ini ditempa daripada besi waja dan dikatakan telah berusia lebih daripada 200 tahun berasal dari Pagar Ruyong, Sumatera dan terakhir ditemui di Pattani.

Hulu dan sarung keris ini diperbuat daripada kayu cengal bersalutkan perak dan emas putih dengan ukiran menyeluruh bunga kesidang (bunga rasmi Negeri Melaka). Di atas sampirnya diterapkan dengan logo UTeM dan pada pangkal batang keris ditulis perkataan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dalam khat Kufi, di hadapan sarung dan tulisan rumi di belakang sarung. Hulu keris ini berbentuk tapak kuda dengan replika hiasan tertentu yang bernilai dan ukiran ayat Rabbi Zidni Ilma (Surah Thohaa: Ayat 114) yang bermaksud "Ya Tuhanku, tambahkanlah ilmuku" melingkari hulu tersebut. Di tengah sampir sarung depan juga terdapat ukiran Surah Al-Ala' sebagai menyaksikan kesungguhan Universiti berhubung dengan ilmu pengetahuan.

Keris melambangkan kebesaran dan kekuasaan masyarakat Melayu yang sangat dimuliakan. Di samping pengaruhnya yang kuat mendasari budaya dan adat resam Melayu, ia juga merupakan suatu lambang keindahan seni pertukangan Melayu yang dikagumi dan dihormati. Keris Panjang sebagai lambang kuasa Universiti akan diperuntukkan untuk dipakai dan dibawa oleh Panglima semasa mengiringi Canselor pada Konvokesyen Universiti.

Keris Panjang is said to be of the highest stature amongst the groups of keris. Keris Panjang is only used by kings and royal court officials. This type of keris is sometimes known as Keris Bahari, Keris Sumatera, Keris Darjat, Keris Melela or Keris Sapukal which is determined by its blade, handle and cover. The blade of this type of keris is usually straight and sharp pointed. It is also known as Keris Terapang or Keris Terapang Gabus when its cover is gold plated.

The blade of UTeM Keris Panjang is made of steel and is said to be 200 years old and originated from Pagar Ruyong, Sumatera. It was last seen in Pattani. The handle and the cover of the keris are made of silver and platinum plated cengal. It is engraved with bunga kesidang (Malacca's official flower) motif. The UTeM logo is carved on the sampir of the keris. The wording Universiti Teknikal Malaysia Melaka is engraved in Kufi calligraphy on the front side of the cover and in Roman letters on the other side.

The handle of the keris is shaped like a horse shoe and engraved with the verse "Rabbi Zidni Ilma" (Surah Thohaa:114) which denotes "O Allah, grant me knowledge" across it. On the front side of the cover is a carving of Surah Al-Ala' verses, which symbolises the University's determination to acquire knowledge.

Keris is the noble symbol of power and authority of the Malay community. Besides its substantial influence on the Malay custom and culture, it is also a symbol of the admired and respected exquisite Malay craftsmanship. Keris Panjang as the symbol of power of the University is adorned by the Panglima when escorting the Chancellor during the University Convocation.



Anugerah Ijazah Kehormat

IJAZAH KEHORMAT DOKTOR KEJURUTERAAN

Y. BHG. TAN SRI DATUK IR DR HAJI AHMAD TAJUDDIN ALI

Y.Bhg. Tan Sri Datuk Ir Dr Haji Ahmad Tajuddin Ali dilahirkan pada tanggal 7 Ogos 1948 di Tambun Tulang, Perlis. Anak sulung daripada sebuah keluarga petani ini mempunyai sejarah pendidikan yang amat cemerlang dan wajar dijadikan inspirasi kepada generasi kini.

Beliau memulakan alam persekolahan di Sekolah Melayu Tambun Tulang, mukim Arau, Perlis pada tahun 1955-1960. Setelah hampir selesai persekolahan Sekolah Melayu, beliau telah dipujuk oleh salah seorang guru sementara di sekolah berkenaan untuk menduduki peperiksaan untuk masuk ke-Special Malay Class. Walaupun terlewat menduduki peperiksaan berkenaan selama hampir dua tahun, keputusan yang diperoleh membolehkan beliau menjadi anak kampung pertama yang berjaya keluar dari kampung tersebut untuk melanjutkan pelajaran di Sekolah Inggeris Putera, Kangar, Perlis. Apabila selesai pengajian sekolah rendah, beliau kemudian menyambung pengajian menengah di Sekolah Inggeris Derma, Kangar. Hanya dua minggu di sana, beliau telah diminta untuk melaporkan diri ke Jabatan Pelajaran Perlis untuk ditawarkan memasuki Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak. Beliau turut ditawarkan Biasiswa Kecil Persekutuan bermula RM25 sebulan dan belajar di kolej berkenaan bermula tahun 1963 -1967.

Hasil ketekunan dan dedikasi Y.Bhg. Tan Sri dalam pelajaran membolehkan beliau sentiasa mendapat keputusan yang cemerlang dan sentiasa berada dalam kelompok pelajar terbaik di kolej berkenaan. Berbekalkan keputusan peperiksaan Senior Cambridge yang cemerlang, beliau telah berjaya mendapat biasiswa Lembaga Letrik Negara (LLN) dan terus bertolak ke Brighton pada pertengahan bulan September 1968.

Di Brighton Technical College, beliau telah mengambil diploma kejuruteraan selama dua tahun sebelum menyambung pengajian ijazah di King's College University of London dalam bidang kejuruteraan mekanikal. Satu fakta menarik yang beliau kongsikan adalah aras kemasukan beliau ke King's College ketika itu adalah berdasarkan keputusan Ordinary Diploma in Engineering yang bukan merupakan salah satu kelayakan yang diterima oleh University of London pada ketika itu. Beliau dan seorang lagi pelajar Inggeris merupakan antara dua orang pelajar pertama yang diterima masuk menggunakan kelayakan berkenaan tanpa peperiksaan A-level. Namun begitu, beliau bersama pelajar Inggeris berkenaan telah dikenakan syarat agar memperolehi keputusan kepujian dalam semua subjek yang mana dilalui dengan cemerlang oleh beliau. Di King's College, beliau telah dianugerahkan Ijazah

Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian Kelas Pertama. Setelah selesai pengajiannya, Y.Bhg. Tan Sri telah berkahwin dengan wanita pilihannya, iaitu Puan Sri Datin Amnah binti Jaffar. Pasangan bahagia ini telah dikurniakan tiga orang cahaya mata dan sehingga kini, tujuh orang cucu.

Tidak puas dengan menggenggam segulung ijazah sarjana muda, Y.Bhg. Tan Sri telah memohon biasiswa daripada pihak LLN untuk melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Kejuruteraan Nuklear. Kali ini Queen Mary College, University of London pula menjadi pilihan beliau. Sepanjang tempoh pengajian ini (1973-1977), beliau telah melalui cabaran yang besar dan laluan yang getir. Namun begitu, kecekalan, kesungguhan dan disiplin yang tinggi membolehkan Y.Bhg. Tan Sri mengharungi semua cabaran yang dihadapi dengan jayanya. Berkat dengan berpegang teguh kepada prinsip "apabila melakukan sesuatu haruslah berusaha untuk melakukannya dengan sebaik mungkin", beliau berjaya menamatkan pengajian Doktor Falsafah (PhD) dalam masa yang ditetapkan sekaligus menggenggam ijazah PhD dalam bidang Kejuruteraan Nuklear.

Selesai mendapat PhD, beliau kembali seketika ke tanah air tetapi kemudiannya menyambung pengajian peringkat pasca kedoktoran di Oregon State University dan di Pennsylvania State University, kedua-duanya bagi mendalami bidang Nuclear Reactor Operations.


Kegigihan belajar dan menimba ilmu terus subur dalam diri turut mendorong beliau menjalani latihan dan pengajian peringkat pengurusan tertinggi beberapa kali selepas itu, antaranya di Australian Administrative Staff College (1983) dan di Harvard Business School (1994).

Bermula sebagai seorang penolong jurutera di LLN pada tahun 1973, Y.Bhg. Tan Sri kemudiannya dilantik sebagai Pegawai Penyelidik Kanan di Pusat Tenaga Atom Tun Ismail (PUSPATI) antara tahun 1977-1982, selepas sahaja memperoleh PhD beliau. Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat menjadi Timbalan Pengarah (Operasi) di tempat yang sama pada 1983-1985. Selepas itu, beliau telah ditawarkan bertugas Penyelaras Projek Rantau Asia Pasifik International Atomic Energy Agency (IAEA) berpejabat di Jakarta pada 1985-1988. Selepas pulang dari berkhidmat di Jakarta, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah di Unit Tenaga Nuklear (UTN), Jabatan Perdana Menteri. Seterusnya pada tahun 1989, beliau telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM). Pelantikan ini menunjukkan pengiktirafan terhadap kepakaran dalam akademik dan kecemerlangan pengalaman kerjaya profesional beliau.

Menurut Y.Bhg. Tan Sri, tugas baru sebagai Ketua Pengarah ini satu cabaran yang besar kerana SIRIM harus berperanan sebagai pusat penyelidikan yang penting seiring dengan gagasan pembangunan semasa pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad. Juga, beliau harus membimbing organisasi ini ke arah yang lebih cemerlang dan menonjolkan kredibiliti SIRIM. Cabaran utama ketika meneraju SIRIM ini antaranya adalah untuk mewujudkan standard atau piawaian yang mantap dan memperluaskan skop operasinya selaras dengan kemajuan sektor perindustrian yang pesat di Malaysia pada ketika itu.

Kecemerlangan pimpinan Y.Bhg. Tan Sri telah melonjakkan kredibiliti SIRIM dan akauntabiliti yang lebih baik di samping memperkuatkan lagi hubungan SIRIM dengan sektor perindustrian. Hasil perancangan strategik dan landasan yang teguh yang beliau pelopori, SIRIM kini diiktiraf sebagai organisasi global yang melakukan penyelidikan perindustrian dan membangunkan standard yang terkenal di seluruh dunia. SIRIM bukan sahaja merupakan salah satu daripada sembilan ahli pengasas Global Research Alliance (GRA) tetapi juga berjaya menjalin kerjasama dengan organisasi-organisasi teknologi dunia.





Pada Ogos 1996, Y.Bhg. Tan Sri mengakhiri pimpinannya di SIRIM dengan cemerlang dan kemudiannya beliau telah dilantik sebagai Pengurus merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB) bermula 1 September 1996. Menurut beliau, pelantikan ini baginya satu cabaran yang amat besar kerana pada ketika itu, TNB adalah sebuah badan korporat yang sedang menghadapi krisis akauntabiliti berikutan beberapa insiden masalah ketidakstabilan bekalan tenaga elektrik. Apatah lagi lantikan beliau itu adalah ekoran dari insiden terputus bekalan elektrik seluruh negara hanya tiga minggu sebelum itu. Justeru, tugas utama beliau ketika itu adalah untuk mengangkat kembali kewibawaan dan meraih keyakinan masyarakat terhadap peranan dan fungsi TNB, di samping membina keyakinan dalam TNB sendiri dalam menguruskan sistem bekalan elektrik negara yang makin mencabar.

Dalam jangka masa empat tahun menerajui TNB, beliau telah berjaya meningkatkan kemampuan teknikal jurutera TNB dan juga menurunkan peratus insiden terputus bekalan daripada lebih dari 3,000 kes setiap hari kepada kurang dari 100 kes sehari. Kejayaan ini sekaligus mewujudkan tanggapan yang baik dalam kalangan masyarakat dan pengguna terhadap fungsi TNB dan kredibiliti jurutera TNB khususnya. Bagi beliau kejayaan membangun semula TNB ini hasil dari usahanya turun padang untuk bersama-sama pekerja bawahannya membangunkan TNB. Beliau mengakhiri tugas di TNB pada 31 Ogos 2000.


Secara peribadi, Y.Bhg. Tan Sri merupakan seorang yang sentiasa merendah diri, berkarsma dan amat berdedikasi. Dalam kalangan mereka yang mengenalinya, Tan Sri merupakan seorang insan yang mempunyai kewibawaan yang tinggi, komited terhadap tugas dan tanggungjawab. Ini bukan sahaja diakui di Malaysia bahkan di luar negara. Beliau juga berkongsi kunci kejayaan dengan mengamalkan prinsip-prinsip murni dalam setiap pekerjaan seperti keikhlasan, kejujuran, kesungguhan, tidak mudah putus asa, menyukai sesuatu pekerjaan yang diamanahkan dan menghormati pekerjanya. Ketokohan beliau selalu dijadikan teladan kalangan ramai pegawai bawahannya.

Terkini, Y.Bhg. Tan Sri telah dilantik sebagai Pengurus UEM Group Berhad mulai 1 April 2007, sebagai wakil kepada Khazanah Nasional Berhad. Sehingga kini, beliau sudah tujuh tahun menerajui konglomerat berkaitan kerajaan berkenaan dengan kepimpinan yang cemerlang. Pada masa yang sama, beliau juga merupakan Pengurus UEM Sunrise Berhad, PLUS Expressways International Berhad. Selain itu, beliau juga merupakan Pengurus Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Presiden Akademi Sains Malaysia, Pengurus Bersama (Industri) daripada Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT), Pengurus UPM Holdings Sdn Bhd dan UPM Inovation Sdn Bhd.

Di peringkat antarabangsa, Y.Bhg. Tan Sri masih aktif menjadi Member Governing Council at International Institute of Applied System Analysis (IIASA), Laxenburg, Austria, Member of the Executive Committee di Cambodia-Malaysia Business Council, Member di Malaysia-China Business Council dan Member di Malaysia-Indonesia Business Council.

Kualiti dan kecemerlangan yang Y.Bhg. Tan Sri pamerkan sepanjang kerjaya serta sumbangan profesional beliau membolehkan beliau telah meraih beberapa anugerah seperti 1995 Japan External Trade Organisation (JETRO) Award, 1996 Institution of Engineers Malaysia Award, 1997 Honorary Colonel, 70th Regiment, Territorial Army dan Anugerah Tokoh Terkemuka 2009 oleh Malaysian Construction Industry Excellent Award (MCIEA). Selain pengiktirafan profesional, beliau juga turut diberi anugerah oleh kerajaan negeri dan Persekutuan dalam menghargai sumbangan dan jasa bakti beliau kepada negeri dan negara. Antara anugerah tersebut adalah Panglima Setia Mahkota (1999) yang membawa gelaran Tan Sri, Dato' Paduka Cura Si Manja Kini (1999), Sri Indera Mahkota Pahang (1997), Panglima Jasa Negara (1996), Dato' Paduka Mahkota Perlis (1993), Johan Mangku Negara (1991) dan Ahli Mangku Negara (1981).

Pada masa yang sama, ketokohan ilmu dan kepakaran yang beliau miliki membolehkan beliau dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2000, Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan oleh Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) pada tahun 2008 dan Ijazah Kehormat Doktor Sains oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada tahun 2009.





Honorary Doctorate Recipient

HONORARY DOCTORATE IN ENGINEERING

Y. BHG. TAN SRI DATUK IR DR HAJI AHMAD TAJUDDIN ALI

Tan Sri Datuk Ir Dr Hj Ahmad Tajuddin Ali was born on August 7, 1948 in Tambun Tulang, Perlis. He is the eldest son from a farmer's family; his outstanding education background is able to serve as an inspiration to the present generation.

He started off his schooling at Tambun Tulang Malay School, Arau, Perlis from 1955 to 1960. When he was about to finish his primary school, he was persuaded by one of his teachers to sit for the special exam that allows him to enter the Special Malay Class. He obtained a good result and became the first person in his village to study at Putra English School, Kangar. Upon completion of his primary education, he entered Derma English Secondary School, Kangar in 1963. He was only there for two weeks before he got an offer to study at a prestigious college the Malay College Kuala Kangsar, Perak. He was offered a Biasiswa Kecil Persekutuan worth RM25 per month and studied at the college from 1963 until 1967.

His hard work and dedication enabled him to obtain good results and be among the best students at the college. Armed with an excellent result in the Senior Cambridge examination, he got a scholarship from the National Electricity Board (NEB), which brought him to Brighton in mid-September 1968.

At Brighton Technical College, he spent two years for his diploma in engineering before pursuing his degree in the field of mechanical engineering at King's College, University of London. An interesting fact that he shared was he did not have any A-level, yet both he and a British student were among the first two students who enrolled into King's College based on the results of their Ordinary Diploma in Engineering, which was not one of the entry requirements. The terms and conditions of the conditional offer required them to at least pass all the subjects, but he excelled in his exams. He graduated with a Bachelor of Mechanical Engineering with First Class Honours. After completing his studies, he married the woman of his dreams, Puan Sri Datin Amnah binti Jaffar. They are blessed with three children and seven grandchildren.

His quest for knowledge made him apply for an NEB scholarship to pursue a doctoral degree in Nuclear Engineering at Queen Mary College, University of London. The years 1973 to 1977 marked a challenging time for him. However, his perseverance, dedication and discipline have enabled him to face all challenges successfully. His principle is "Whatever you do, do it well".

He did post-doctoral work in nuclear engineering at Oregon State University and Pennsylvania State University in the field of Nuclear Reactor Operations. His love for knowledge empowered him to continue with the Advanced Management Programs at the Australian Administrative Staff College (1983) and at Harvard Business School (1994).

In 1973, he started as an assistant engineer in NEB, and was later appointed as a Senior Research Officer at Tun Ismail Atomic Centre (PUSPATI) between 1977 and 1982. In 1983, he was promoted as the Deputy Director (Operations) for two years. After that, he was offered work as a Project Coordinator for the Asian-Pacific Region of the International Atomic Energy Agency (IAEA) based in Jakarta until 1988. After returning from Jakarta, he was chosen as a Deputy Director in the Nuclear Energy Unit (UTN), at the Prime Minister's Department. Subsequently in 1989, he was appointed as a Director General of Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM) and this appointment reflects as recognition for his academic excellence and expertise.

His role as a Director General was a big challenge as SIRIM had to be an important centre for research in line with the nation's agenda for development during Tun Dr. Mahathir Mohamad's administration. He had to play an important role in ensuring the continued success and show case SIRIM's credibility. A few of his challenges included developing a set of standards and increasing the organisation's scope of operations to parallel the nation's development in the industrial sector.

His excellent leadership increased SIRIM's credibility and accountability. It also strengthened the relationship SIRIM has with the industrial sector. His strategic planning has resulted in SIRIM being globally acknowledged as an organisation for industrial research and standards development. In addition, SIRIM is one of the nine founding members of the Global Research Alliance (GRA) and has collaboration with other global technological organisations.

He left SIRIM in August 1996 and was appointed as the Chairman and Chief Executive of Tenaga Nasional Berhad (TNB) on September 1, 1996. At that time, TNB was having issues with accountability due to the nationwide power outage which had occurred three weeks earlier. Thus, one of his main tasks was to restore the organisation's integrity and people's confidence towards the organisation's roles and functions. He also restored confidence within TNB in managing the nation's electricity supply system.

Within four years in TNB, he successfully enhanced the technical expertise of TNB engineers and reduced the number of daily power outages from more than 3000 to 100. These have left a good impression on the society and consumers. In his opinion, the successful rebuilding of TNB was achieved by working closely with his subordinates. He ended his tenure with TNB on August 31, 2000.


He is a humble, charismatic and very dedicated person. He is well-known as a person who has high credibility and is committed towards his duties and responsibilities. His secrets to success include being sincere, honest and passionate about his work, having determination and persistence as well as respecting his subordinates. He is seen as a role model by many of his subordinates.

As a representative of Khazanah Nasional Berhad, he has been the Chairman of UEM Group Berhad, which is a government linked conglomerate, since April 1, 2007. He also acts as the Chairman of the following organisations: UEM Sunrise Berhad, PLUS Expressways International Berhad, Construction Industry Development Board Malaysia (CIDB), UPM Holdings Sdn Bhd and UPM Innovation Sdn Bhd. Besides that, he is the President of the Academy of Sciences Malaysia and Joint-Chairman (Industry) of the Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT).

He is an active member of the Governing Council at the International Institute of Applied System Analysis (IIASA), Laxenburg, Austria, the Executive Committee at the Cambodia-Malaysia Business Council, the Malaysia-China Business Council and the Malaysia-Indonesia Business Council.

He received several awards in recognition of his outstanding performance. These included the 1995 Japan External Trade Organisation (JETRO) Award, 1996 Institution of Engineers Malaysia Award, 1997 Honorary Colonel, 70th Regiment, Territorial Army, Prominent Player Award 2009 by the Malaysian Construction Industry Excellent Award (MCIEA). He was also bestowed the Panglima Setia Mahkota (1999) which carries the title Tan Sri, Dato' Paduka Cura Si Manja Kini (1999), Sri Indera Mahkota Pahang (1997), Panglima Jasa Negara (1996), Dato' Paduka Mahkota Perlis (1993), Johan Mangku Negara (1991) and Ahli Mangku Negara (1981).

In recognition of his knowledge and expertise, he was conferred the Honorary Doctor of Science Degree by Universiti Putra Malaysia (UPM) in 2000, Honorary Doctor of Engineering Degree by Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) in 2008 and Honorary Doctor of Science Degree by Universiti Malaysia Terengganu (UMT) in 2009.



Sepintas lalu...

AT A GLANCE

Pusat Pengajian Siswazah (PPS), telah ditubuhkan pada 1 November 2004 iaitu selaras dengan penstrukturuan semula pentadbiran universiti. Sebelum berdiri sebagai pusat tanggungjawab (PTJ) yang baru, semua urusan berkaitan program pengajian siswazah UTeM dilaksanakan oleh Pusat Universiti Industri (UNIC). Penubuhan PPS adalah bertujuan mewujudkan sebuah pusat yang dapat membantu Universiti menggubah dasar, peraturan, garis panduan atau lain-lain tatacara, syarat-syarat dan keperluan berkaitan dengan pelaksanaan dan pengurusan program pengajian siswazah. Dengan status yang setaraf dengan Fakulti/Institut/Pusat lain, PPS bertanggungjawab terus kepada Senat dan berfungsi sebagai penyelaras dalam pengendalian program-program siswazah supaya sejajar dengan dasar dan perancangan universiti.

Bermula dengan hanya beberapa orang pelajar Sarjana mod penyelidikan pada 2003, PPS telah berkembang dengan peningkatan bilangan pelajar dalam pelbagai program akademik seperti Sarjana secara kerja kursus dan mod campuran. Di samping penawaran program Doktor Falsafah (PhD), UTeM juga telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam penawaran program PhD Industri. Program ini telah meluaskan peluang kepada jurutera dan pengamal industri untuk mengikuti pengajian ijazah lanjutan dan secara tidak langsung memperkasakan kerjasama serta perkongsian pengetahuan antara universiti dan industri. Kerancakan perjalanan program pasca siswazah UTeM juga telah meningkat dengan bertambahnya kehadiran pelajar antarabangsa dari enam belas (16) buah negara. Pada tahun ini, bilangan pelajar pasca siswazah telah mencapai hampir 1000 orang, iaitu 10% daripada jumlah enrolmen keseluruhan pelajar UTeM. Dalam usaha untuk meluaskan akses kepada pengajian siswazah, PPS telah berganding usaha dengan beberapa fakulti dalam menawarkan program Sarjana melalui kerja kursus kepada calon-calon sambilan yang berada di luar kampus. Proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan di beberapa pusat seperti Western Digital (M) Sdn Bhd, Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM), Infineon Technologies, dan juga politeknik-politeknik di Sabah, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Johor. PPS juga menjalinkan hubungan Industri dengan menawarkan program PhD industri yang dijalankan di Silterra Sdn Bhd, Kulim, Kedah.

Pusat Pengajian Siswazah adalah komited dalam memberi bantuan dan peluang kepada pelajar untuk memperkasakan pengetahuan dan kemahiran melalui persekitaran pembelajaran yang memberangsangkan. Kami percaya dengan ilmu dalam bidang spesifik serta kemahiran insan yang dikesan semasa berada di UTeM, graduan program pasca siswazah akan dapat memainkan peranan yang lebih bermakna dalam bidang kerjaya yang diceburi. Usaha pengkayaan dan penyebaran ilmu melalui aktiviti penyelidikan dan penerbitan oleh pelajar siswazah akan memberi sumbangan kepada usaha negara untuk menjadi sebuah negara maju.



PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH THE CENTRE FOR GRADUATE STUDIES

The Centre for Graduate Studies (PPS) was established on 1 November 2004 in accordance with the restructuring of the University administration. Prior to its establishment, matters pertaining to postgraduate programmes at UTeM were initially managed by the University-Industry Centre (UNIC). Today, PPS serves as the centre that devices policies, rules, guidelines or any other conditions and procedures relating to the management of postgraduate programmes. With a status equivalent to a Faculty/ Institute/Centre, PPS is directly responsible to the Senate and serves as the coordinator of graduate programmes which operating in line with the policy and planning of the University.

Starting with only a few Masters students by research mode in 2003, PPS has grown in terms of numbers in the various academic programmes, such as Masters by coursework and mixed mode. In addition to offering the Doctor of Philosophy (PhD) programme, UTeM has also come up with an outstanding Industrial PhD programme. This programme has expanded opportunities for engineers and Industrial practitioners in pursuing post-graduate studies and indirectly strengthen the cooperation and sharing of knowledge between the University and Industry. The demands for UTeM postgraduate programmes have also increased as a result of the growing enrolment of international students from sixteen (16) countries. To date the number of postgraduate students is approximately 1000, which is 10% of the total students' enrolment at UTeM. In an effort to widen access to graduate studies, PPS collaborates with several faculties by offering candidates off-campus Masters programme by coursework on a part-time basis. Teaching and learning are conducted at several centres such as at the Western Digital (M) Sdn bhd, Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM), Infineon Technologies, and also polytechnics in Sabah, Kedah, Pulau Pinang, Perak as well as Johor. PPS is also engaged with the industry in offering Industrial PhD programme which being conducted at the Silterra Malaysia Sdn Bhd in Kulim, Kedah.

The Centre for Graduate Studies is also committed in providing assistance and opportunities for students to enhance their knowledge and skills through a stimulating and engaging learning environment. It is believed that, by equipping the postgraduate candidates with a sufficient knowledge in specific areas and soft skills, will enable them to play a more meaningful role in their future careers. Last but not least, the dissemination of knowledge and efforts produced by the postgraduates through research activities and publications will also hope to contribute towards the development of our country, Malaysia.

99i95
OHMAS SESI SATU
FIRST SESSION

SABTU, 27 SEPTEMBER 2014
Saturday, 27 September 2014



FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

FACULTY OF MECHANICAL ENGINEERING

